

06 DEC 1999

Mahathir-Bebas

KEBEBASAN KETERLALUAN BOLEH MENYEBABKAN ANARKI

KUALA LUMPUR, 6 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Mahathir Mohamad berkata kebebasan yang keterlaluan boleh membawa kepada satu keadaan anarki yang menyebabkan kerajaan tidak boleh bertindak terhadap sesiapa.

Perdana Menteri berkata pada masa ini, masyarakat hidup pada zaman yang bebas tanpa apa-apa larangan dan evolusi kebebasan itu tidak boleh dihentikan.

Beliau berkata masyarakat akan menjadi lebih bebas sepanjang masa pada masa hadapan sehingga akhirnya kebebasan itu membawa kepada satu keadaan anarki.

"Saya harap kebebasan ini akan membawa banyak manfaat kepada kita, walaupun kadang kala saya berpendapat kalau tidak bebas, bagus juga, sekurang-kurangnya bagi kerajaan, kalau bebas sangat pun susah," katanya semasa berucap pada majlis makan malam Persatuan Murid Tua Kolej Sultan Abdul Hamid (SAHOCA) di sini, malam ini.

Dr Mahathir yang juga Presiden SAHOCA berkata pelajar pada zaman ini tidak susah seperti zaman dahulu dan tidak perlu menghadapi peraturan yang keras termasuk menggunakan pembaris bagi mendisiplinkan pelajar.

Dr Mahathir berkata beliau berbangga dengan zamannya semasa belajar di kolej itu dan berpendapat bahawa ajaran serta penggunaan pembaris bagi mendisiplinkan pelajar pada masa itu telah membuat beliau berdisiplin dan berjaya.

Beliau berharap SAHOCA akan terus membantu pelajar dan Kolej Sultan Abdul Hamid dari semasa ke semasa dan menyambut baik sebarang sumbangan yang diberikan bagi menyenggara kolej itu.

Katanya SAHOCA turut bercadang menyediakan biasiswa bagi membantu pelajar kolej itu serta mendirikan sebuah bangunan di Kelana Jaya untuk menjalankan aktiviti dan mendapatkan hasil dari penyewaan ruang bangunan itu.

Kira-kira 5,000 orang menghadiri majlis makan malam anjuran SAHOCA Kuala Lumpur dan Selangor itu.

-- BERNAMA

HS NAK